

12 SEP 2003

Bajet-Bonus

BONUS SETENGAH BULAN GAJI UNTUK KAKITANGAN KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan pembayaran bonus setengah bulan gaji kepada hampir sejuta kakitangan kerajaan.

Berita gembira itu disampaikan Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2004, yang terakhir oleh beliau sebagai Menteri Kewangan, di Dewan Rakyat di sini. Ia disiarkan secara langsung ke seluruh negara oleh stesen televisyen tempatan.

Dalam Bajet 2003 yang dibentangkan September tahun lepas, Dr Mahathir mengumumkan bonus sebulan gaji atau minimum RM1,200 kepada kakitangan awam.

Kakitangan kerajaan juga menikmati bonus setengah bulan gaji apabila Dr Mahathir membentangkan pakej strategi baru bernilai RM7.3 bilion pada 21 Mei.

Pakej itu diperkenalkan bagi membantu negara menghadapi ketidaktentuan global dan membantu beberapa sektor yang terjejas berikutan wabak SARS dan peperangan di Iraq.

Dr Mahathir berkata kerajaan juga amat prihatin tentang anggota perkhidmatan awam yang tidak dapat menikmati pencen sekiranya mereka meninggal dunia sebelum bersara tanpa pewaris.

Bagi mereka ini, kerajaan akan memanjangkan faedah pencen terbitan, selain daripada gratuiti, kepada ibu atau bapa mereka, katanya.

Perdana Menteri berkata bahawa, sebagai penghargaan kepada mereka yang telah berkhidmat untuk mempertahankan negara, kerajaan memanjangkan kemudahan rawatan perubatan percuma kepada bekas anggota Sarawak Rangers dan isteri, selain kepada isteri bekas anggota Force 136 dan British Army.

Kerajaan juga akan memanjangkan kepada mereka kemudahan kadar caj wad yang dinikmati oleh keluarga bekas anggota simpanan Angkatan Tentera Malaysia, katanya.

-- BERNAMA

MAM MAI